Mesyuarat pegawai OIC rangka agenda 'kesejahteraan ummah'

UM 11/10/03

PUTRAJAYA 10 Okt. — Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan memulakan mesyuarat peringkat pegawainya mulai esok bagi merangka agenda 'kesejahteraan ummah' sebelum bermula sidang kemuncak yang akan dihadiri 35 ketua negara pada Khamis dan Jumaat depan.

Sidang kemuncak kali ini juga dijangka menjadi yang terhebat pernah dianjurkan dengan menyertakan acara-acara sampingan yang julung kali diadakan iaitu Forum Perniagaan, Persidangan Sains dan Teknologi, Dialog Wanita Pertama dan Ekspo OIC.

Program bagi sidang kemuncak itu akan dimulakan dengan Mesyuarat Para Pegawai Kanan (SOM) selama dua hari esok di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Ia diikuti oleh Mesyuarat Persediaan Peringkat Menteri pada 13 dan 14 Oktober sebelum para pemimpin tertinggi bertemu untuk mengadakan sidang kemuncak sebenar pada 16 dan 17 Oktober.

● Lagi laporan, gambar di muka 12

Antara ketua negara yang mengesahkan kehadiran ialah Presiden Iran, Mohammad Khatami; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri; Presiden Pakistan, Pervez Musharraf; Presiden Mesir, Hosni Mubarak dan Presiden Sudan, Omar Hassan Al Bashir.

Turut hadir ialah Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz; Putera Mahkota Maghribi, Putera Sidi Mohamad; Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Mussa dan seorang wakil dari Kesatuan Afrika.

Selain itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan, turut mengesahkan kehadirannya untuk mengambil bahagian dalam Forum Perniagaan OIC yang akan berlangsung pada 15 dan 16 Oktober.

Palestin akan diwakili oleh Menteri Luar, Farouk Khaddoumi kerana Presiden Yassir Arafat dikenakan larangan keluar oleh rejim Israel, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita di PCC hari ini.

Presiden Rusia, Vladimir Putin dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo akan hadir sebagai jemputan khas.

Pemimpin kerajaan sementara Iraq yang dikuasai Amerika Syarikat akan turut menghadiri persidangan tetapi Syed Hamid berkata, beliau tidak dapat mengesahkan ketua delegasi Iraq kerana negara itu "menukar pemimpin setiap bulan."

Presiden Libya, Muammar Gaddafi merupakan antara pemimpin yang tidak dapat hadir.

Forum Perniagaan OIC yang dianggap acara sampingan utama, akan diadakan secara selari di Hotel IOI Marriott Putrajaya pada 15 dan 16 Oktober.

■ Lihat muka 4

Mesyuarat pegawai OIC rangka agenda 'kesejahteraan ummah'

Ia dijangka memberikan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan 57 negara anggota OIC.

Dialog Wanita Pertama OIC pula dijadualkan berlangsung pada 17 Oktober di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur, dengan tema "Wanita, Keamanan dan Pembangunan".

Acara yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu akan membincangkan isu-isu berkaitan wanita termasuk kesihatan, pendidikan, HIV/AIDS dan sebagainya.

Ekspo OIC 2003 pula dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 14 Oktober.

Ekspo itu diadakan di hadapan PCC sehingga 19 Oktober dengan mempamerkan barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh negara-negara anggota.

Persidangan Sains dan Teknologi OIC pula telah diadakan selama empat hari yang berakhir semalam, dan ia mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Sains dan Teknologi.